

Family Variables and Self Concept Variables (Part 6)

Siti Sarawati Binti Johar

Ahli-ahli T.A turut berpendapat bahawa setiap individu mempunyai dua keinginan utama/asas iaitu :

- Fisiologi seperti makanan, air dan udara.
- Psikologi seperti *kelaparan rangsangan dan stroke, kelaparan struktur dan kelaparan keadaan.*

Jelasnya, personaliti dan pembentukan konsep kendiri adalah hasil interaksi dengan dunianya iaitu untuk memuaskan keinginan di atas. Berdasarkan teori T.A, cara utama memuaskan keinginannya ialah melalui transaksi (berurusan) dengan orang lain. Dalam teori ini turut ditekankan tentang keadaan hidup (life position), yakni cara seseorang berasa tentang diri sendiri dan tentang orang lain akan digambarkan dalam keadaan hidup yang dipilihnya. Terdapat 4 jenis keadaan hidup yang boleh dipilih atau mungkin terbentuk bersama konsep kendiri berdasarkan iklim dan pengaruh keluarga.

- *Saya O.K – Awak O.K*

Ini merupakan satu keadaan yang ideal dan amat diharapkan untuk semua individu dan ini juga adalah keadaan yang diperolehi oleh semua individu pada awal kehidupan di dunia ini. Berne menyarankan bahawa kalau keadaan ini tidak diperolehi pada awal-awal lagi, maka agak sukar untuk dicapai pada waktu yang akan datang.

- *Saya O.K – Awak tidak O.K*

Membawa keadaan seorang paranoid dan dikenali juga sebagai keadaan revolusioner (Kambly, 1971). Individu yang berada dalam keadaan ini akan melibatkan diri dalam tingkah laku jenayah atau sering mengandaikan hanya dirinya yang betul dan orang lain adalah salah.

- *Saya tidak O.K – Awak O.K*

Keadaan ini lazim dipilih iaitu suatu keadaan yang dipaksa dalam pembentukan tingkah laku kanak-kanak. Dalam keadaan yang runsing, individu sentiasa cuba mencari ‘stroke’ (pengiktirafan). Keperluannya untuk membuatkan orang lain gembira akan menyebabkan kehidupannya tidak gembira walaupun masih produktif.

- *Saya tidak O.K – Awak tidak O.K*

Keadaan ini agak tidak bermaya iaitu situasi yang sering dialami oleh kanak-kanak yang diabaikan oleh ibu bapa dan keluarga. Mereka sentiasa tidak menerima ‘stroke’ daripada ibu bapa walaupun sebenarnya itulah yang sememangnya mereka harapkan. Kesudahannya, mereka akan jadi manusia yang pesimis dan sering merendah diri.

CONTINUE...